

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SPW206 - Falsafah Politik

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Falsafah politik merupakan satu pendekatan normatif yang mementingkan pengwujudan satu sistem pemerintahan yang sempurna. Terangkan implikasi kenyataan ini secara umum.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan teori kontrak sosial? Beri contoh-contoh yang relevan daripada penulisan Thomas Hobbes ataupun John Jacques Rousseau.
3. Bagaimanakah dapat kita pastikan bahawa kedaulatan rakyat dijamin dalam satu sistem pemerintahan bercorak demokrasi?
4. Nepotisme dan kronisme merupakan satu-satunya gejala yang mengancam keadilan dan kedaulatan sesebuah sistem pemerintahan. Adakah anda bersetuju dengan pendapat ini?
5. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep kekhalifahan dalam pemikiran politik Islam? Terangkan konsep ini dengan merujuk kepada DUA pemikir politik Islam yang anda ketahui.
6. Pilih seorang pemikir politik India ATAU Cina yang anda ketahui dan huraikan konsep-konsep asas pemikiran politiknya.